**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Pemulihan COVID-19*

# Kes aktif kurang 400

## Sebanyak 70 dibenarkan discaj semalam, kumulatif 8,070 kes

**Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Suzalina Halid**
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Negara kembali mencatatkan kes baharu COVID-19 satu angka semalam dengan enam jangkitan, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif 8,535.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 70 kes pulih daripada COVID-19 dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 8,070 kes iaitu 94.6 peratus, daripada jumlah keseluruhan kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 344 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19 di sini semalam.

Daripada enam kes baharu itu, dua adalah kes import masing-masing membabitkan warganegara dan bukan warganegara manakala empat lagi adalah penularan tempatan membabitkan warganegara.

Jumlah mereka yang dirawat di unit rawatan rapi ialah tiga dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.

Tidak ada kematian direkodkan semalam menjadikan ia kekal kepada 121.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata kementerian mengesan satu kluster baharu COVID-19 dikenali sebagai Kluster Kidurong di Sarawak yang membabitkan enam kes, setakat ini.

Katanya, kes indeks bagi kluster itu ialah seorang pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dikesan positif pada 12 Jun lalu.

"Aktiviti pengesanan kes secara aktif mendapati ahli keluarga beliau juga positif COVID-19 membabitkan ibu, bapa dan dua adik-beradiknya.

"Seorang rakan kepada bapa kes ini juga didapati positif COVID-19, menjadikan ia sebuah kluster baharu di Kidurong.

"Susulan itu, siasatan dan saringan kontak rapat dijalankan dengan membabitkan seramai 231 orang dikenal pasti, setakat ini.

"Seramai 163 orang sudah disaring dan kesemua mereka negatif COVID-19. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

BHTV



*Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 344 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.*

**Dr Noor Hisham Abdullah,** *Ketua Pengarah Kesihatan*




Grafik BH

# Buka sempadan antarabangsa masih dibincangkan

**Putrajaya:** Pembukaan semula sempadan antarabangsa secara bersyarat untuk negara daripada zon hijau masih pada peringkat perbincangan awal.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata menerusi perbincangan awal, enam negara dikenal pasti untuk tujuan berkenaan, iaitu Singapura, Australia, Brunei, New Zealand, Jepun dan Korea Selatan.

Namun, katanya, ia perlu melalui persetujuan bersama antara Malaysia dengan negara terbabit untuk pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) secara dua hala yang sedang dimuktamadkan ketika ini.

"Kawalan sempadan masih diperketatkan hingga kini walaupun kita memberi sedikit kebenaran kepada beberapa perkara. Mereka perlu mengikut SOP termasuk kuarantin dan saringan," katanya pada sidang akhbar COVID-19, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, langkah seterusnya berhubung pembukaan semula pintu sempadan nanti, termasuk dari aspek kuarantin, sedang diteliti.

Beliau juga berkata negara kini sudah memasuki fasa pemulihan susulan kes harian COVID-19 adalah dalam lingkungan satu hingga dua angka terutamanya bagi kes penularan di dalam negara yang kerap mencapai satu angka.

Bagaimanapun, katanya, aktiviti survelan klinikal dan saringan akan diteruskan bagi tujuan pemantauan.

BHTV

Dr Noor Hisham berkata, sehingga minggu epid ke-24 (iaitu sehingga 13 Jun), sebanyak 19,309 sampel pesakit Influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) telah diambil.

"Kes ILI,15 kes positif COVID-19 daripada 2,048 sampel manakala kes SARI, 76 kes positif COVID-19 daripada 17,261 sampel.

Menjawab soalan, Dr Noor Hisham berkata warga emas dan pesakit kronik boleh ke masjid meskipun mereka dalam kategori berisiko tinggi tetapi perlu mengambil langkah berjaga-jaga.

Katanya, rakyat Malaysia termasuk golongan berisiko tinggi dibenarkan kembali menjalani kehidupan secara normal sepanjang tempoh PKPP tetapi hendaklah mematuhi SOP untuk mengelak dijangkiti COVID-19.

"Sekarang ini kita membenarkan kehidupan seharian mereka bermula kembali tetapi kena pantau. Jangkitan COVID-19 ini memang terkawal tetapi masih ada risiko, walaupun ia sangat rendah.

"Apabila risiko rendah, kita membenarkan semula pembukaan masjid. Kalau mereka pergi ke rumah ibadat, itu kena patuh kepada SOP sedia ada dan kerap cuci tangan serta pemakai pelitup muka," katanya.

Mengenai jangkitan di depoh tahanan, terutama membabitkan warga asing, beliau berkata ia adalah terkawal.

Beliau berkata, ia berikutan tiada pertambahan kes dan saringan direkodkan di tiga depoh tahanan Imigresen (DTI), iaitu Semenyih, Sepang dan Putrajaya.

Malah, daripada 803 sampel individu membabitkan penghuni dan kakitangan yang diambil sebelum ini, katanya, hanya lapan yang masih menunggu keputusan, manakala baki negatif.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**

# Kluster Kidurong pula

Enam kes positif Covid-19 di Bintulu, Sarawak diklasifikasikan sebagai kluster baharu

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengklasifikasikan enam kes positif Covid-19 di Bintulu, Sarawak sebagai kluster baharu iaitu Kluster Kidurong.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya mengesan kluster tersebut selepas kes indeks iaitu seorang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) disahkan positif pada 12 Jun lalu.

"Aktiviti pengesanan kes secara aktif mendapati ahli keluarga iaitu ibu, bapa dan dua adikberadiknya juga telah dikesan positif Covid-19," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, seorang rakan kepada bapa kes itu juga didapati positif Covid-19.



DR NOOR HISHAM

"Susulan itu, siasatan dan saringan kontak rapat telah dijalankan. Setakat ini seramai 231 orang telah dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata, KKM telah menjalankan ujian saringan terhadap 163 individu terbabit dan keputusan mendapati kesemuanya negatif Covid-19.

"Punca jangkitan kluster berkenaan masih dalam siasatan," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, kluster Pasar Borong Kuala Lumpur diisytiharkan tamat semalam selepas pemantauan 28 hari tanpa kes baharu.

"Ini menjadikan secara keseluruhannya 39 kluster telah ditamatkan," katanya.

Kluster Pasar Borong Kuala Lumpur merekodkan 204 kes positif Covid-19 dan satu kematian.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan kes baharu penularan Covid-19 di negara ini kembali kepada satu digit selepas KKM merekodkan enam kes semalam.

Katanya, empat daripada kes tersebut membabitkan penularan tempatan dan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, dua kes lagi merupakan kes import membabitkan seorang warga Malaysia dan seorang pemastautin tetap.

"Dua kes berkenaan import dari Pakistan dan Kanada," katanya.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 8,535 kes.

## KKM tetap pantau madrasah, tahfiz

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan tetap menjalankan saringan, pemantauan dan pengawasan dari masa ke masa di sekolah tahfiz dan madrasah meskipun pusat berkenaan telah dibenarkan beroperasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pelajar, kakitangan dan guru di pusat berkenaan merupakan lokaliti kumpulan sasar jangkitan koronavirus (Covid-19).

"Mungkin kita dapat kesan kes (melalui pengawasan), jadi tindakan ini akan berterusan walaupun kita dah keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) nanti.

"Kalau kita dah keluar daripada PKPP pun tindakan pemantauan akan sentiasa dijalankan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada KKM akan membenarkan semua madrasah dan tahfiz dibuka semula kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan susulan masih terdapat kes baharu Covid-19 membabitkan pelajar di pusat berkenaan.

Sementara itu, ditanya mengenai keputusan Perlis yang membuka masjid kepada warga emas dan pesakit kronik, Dr Noor Hisham berkata, ia tidak menjadi masalah asalkan semua prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi.

Katanya, jangkitan wabak itu di negara ini telah berjaya dikawal dan adalah wajar rutin rakyat dapat dilakukan seperti biasa dengan syarat patuhi SOP ditetapkan.

"Memang tidak dinafikan ada risiko kalau mereka (warga emas dan pesakit kronik) keluar termasuk ke masjid tetapi kita telah sediakan SOP seperti memakai topeng muka, kerap membasuh tangan dan tidak bersalaman," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



**AKHBAR : NEW STRAITST TIMES**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS/NATION**

SIX CASES

# NEW CLUSTER DETECTED IN SARAWAK

## Index case is tertiary education student who tested positive on June 12, says Health D-G

ADIB POVERA
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

A NEW Covid-19 cluster has been detected in Sarawak, which spawned from a higher learning institution student, who then infected his family.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said six confirmed cases had been identified and linked to the new cluster, which has been named the Kidurong Cluster.

He said the student, who was the index case, tested positive for the virus on June 12.

"The Health Ministry conducted active case detection (ACD) among the student's family members. The results from the ACD showed that his parents and two siblings tested positive for Covid-19," he told a press conference yesterday.

He said a friend of the student's father also tested positive for coronavirus.

The ministry, said Dr Noor Hisham, subsequently launched close contact tracing involving 231 people.

"Covid-19 screenings on 163 of them showed that they tested negative for the virus."

The announcement of a new cluster came on a day when Malaysia registered only six new Covid-19 cases.

Dr Noor Hisham said up to noon yesterday, the number of cumulative total positive cases in the country stood at 8,535. No new Covid-19-related deaths were recorded.

Dr Noor Hisham also touched on reports that Malaysia was considering opening its borders to citizens of select "green zone" countries, which had low risks of Covid-19.

He said discussions on the implementation of a "travel bubble" with six countries that had successfully contained the Covid-19 outbreak were in the "very early" stages. The countries are Singapore, Brunei, Australia, New Zealand, Japan and South Korea.



*Datuk Dr Noor Hisham Abdullah*

"We need to finalise the standard operating procedures (SOPs) and reach an agreement among the countries on several matters. The agreement has to be mutual and reciprocal.

"This is to ensure that all countries that enter into the agreement follow the same protocol.

"We hope that we can come up with a mutual agreement in terms of implementation. Both sides (countries) have to come up with an agreement before we can allow (open our borders) to other sectors such as business, education and tourism."

Dr Noor Hisham was commenting on whether it was too early for Malaysia to open its borders to other countries with Covid-19 cases still prevalent in the country.

Earlier yesterday, Senior Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that Malaysia would allow expatriates in top management positions and medical tourists to enter the country without permission from the Immigration Department. They, however, must undergo Covid-19 screening.

"Until today, strict border controls are in place although we provide some allowances for foreigners who hold top management positions such as ambassadors.

"They, however, have to comply with our SOPs in terms of Covid-19 screening and quarantine," Dr Noor Hisham said.

Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed was quoted as saying that Malaysia had received a proposal for the implementation of "travel bubble" with neighbouring countries. He said the matter was being finalised since the government needed to take into consideration many aspects before reaching a decision.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said although the number of daily new cases had dropped to single digits, the ministry would continue to intensify its Covid-19 surveillance to prevent a surge in new cases.

"These include clinical surveillance and Covid-19 screening of targeted groups.

"Clinical surveillance is conducted by randomly collecting Covid-19 samples from the ministry's health facilities."

He gave the assurance that the outbreak in three Immigration detention depots was under control. This, he said, was reflected in the number of patients who were being treated at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), which has been converted into a temporary makeshift hospital to treat Covid-19 patients with mild symptoms.

"A total of 1,362 undocumented immigrants have been treated here (at MAEPS). However, up to today (yesterday), only 11 patients are being treated there. A total of 1,241 or 99.1 per cent of patients have been discharged."

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NATION**

# Star Foundation donates medical equipment to Kluang hospital

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

**KLUANG:** Star Foundation, Star Media Group's charitable arm, has donated medical equipment to Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom here.

The contribution consisting of one mini ventilator, one unit of bedside patient monitoring system, two units of fetal doppler and one gel padding set was under Star Foundation's "Star Frontliners Initiative" to help frontliners fight the Covid-19 pandemic.

Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom director Dr Azura Abu Bakar said such contributions would help medical staff in providing better services to patients.

"We really appreciate and are thankful for all the contributions we have received over the past few months. These contributions, including personal protective equipment (PPE), have helped our medical frontliners greatly in battling Covid-19," she said after receiving the donation.

Star Media Group's Johor bureau chief Nelson Benjamin represented the foundation in handing over the items.

Dr Azura said the hospital had been receiving such donations since the movement control order started.

"Most of the contributions are PPE and dry rations for patients who are being treated here.

"At the moment, we have enough supplies of PPE, thanks to generous contributions from the public," she said.

She said an equipment which the hospital needed was an automated CPR machine as it would help reduce the risk of transmission between Covid-19 patients and medical frontliners.

Dr Azura said the number of Covid-19 cases in Kluang had dropped and there were only five active cases in the hospital at the moment.

"At the height of the pandemic, we were treating about 160 patients a day, including patients from Johor Baru and those from Kampung Dato' Ibrahim Majid, which was placed under two weeks of enhanced movement control order.

"Thankfully, we have the capacity to treat all of the patients as there are 358 beds in this hospital," she said.

She added that the hospital, which was previously designated for Covid-19 patients, had started to accept other patients again since the end of May.



**Boost for healthcare:** Nelson showing the contribution from Star Foundation to Dr Azura.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

## Covid-19: Current situation globally
*(As of 7pm June 19 , 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 6 | 8,535 | 121 | 8,070 |

| Asean+ | China | Indonesia | Singapore | Philippines | Japan | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 83,325 | 43,803 | 41,615 | 28,459 | 17,668 | 12,306 | 3,146 | 342 | 286 | 141 | 129 | 19 |
| Deaths | 4,634 | 2,373 | 26 | 1,130 | 935 | 280 | 58 | 0 | 6 | 3 | 0 | 0 |
| Recovered | 78,398 | 17,349 | 32,712 | 7,378 | 15,930 | 10,835 | 3,008 | 325 | 187 | 138 | 126 | 19 |

| Global Top 10 | US | Brazil | Russia | India | UK | Spain | Peru | Italy | Chile | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 2,263,756 | 983,359 | 569,063 | 382,143 | 300,469 | 292,348 | 244,388 | 238,159 | 225,103 | 200,262 |
| Deaths | 120,688 | 47,869 | 7,841 | 12,610 | 42,288 | 27,136 | 7,461 | 34,514 | 3,841 | 9,392 |
| Recovered | 931,079 | 520,360 | 324,406 | 205,454 | N/A | N/A | 131,190 | 180,544 | 186,441 | 159,192 |

# Cases back to single digit, says DG

## 'Over 300 active cases left with one new cluster discovered in Bintulu'

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia's daily Covid-19 cases have gone back to the single digit zone, with only six new infections recorded as of yesterday noon.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said of the six cases, two are imported, while another four are local transmissions found in Kuala Lumpur, Selangor, Negri Sembilan and Sarawak.

With 70 more patients discharged and no additional deaths reported, the country now only has 344 active cases left at its health facilities.

There are only three people who are under intensive care, with none requiring ventilator support.

Cumulatively, Malaysia has 8,535 positive cases, 8,070 recoveries and 121 deaths.




Dr Noor Hisham also announced that six cases found in Kidurong, Bintulu, have been classified as a new cluster.

"The index case is a student of a public university who tested positive on June 12.

"Our subsequent active detection activity found that the student's family members – mother, father and two siblings – are also positive.

"A friend of the index case's father also tested positive, making this the country's latest cluster," he said.

Dr Noor Hisham said a total of 231 close contacts have been identified. A total of 163 of them have been screened and all tested negative.

"The source of the infection is still under investigation," said Dr Noor Hisham.

On the Covid-19 outbreak at the country's immigration detention centres, Dr Noor Hisham said the situation is well under the ministry's control.

"Those who test positive are isolated for treatment. Those who are negative were quarantined for 14 days, where we repeated tests on them.

"Through the repeat tests, we have also detected more cases, and subsequently, the patients are transferred to hospitals for treatment.

"More importantly, they are under our monitoring and not out among the community, so they cannot infect others," he said.

In total, the ministry has detected 776 positive cases at four immigration depots – Bukit Jalil, Semenyih, Sepang and Putrajaya.

A total of 8,280 detainees and staff at the depots have screened, with some 83% of the cases detected at Bukit Jalil.

Most of the positive cases have been discharged, said Dr Noor Hisham.

He said the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Covid-19 hospital, which has been housing positive cases among undocumented migrants, has only 11 patients left.

On the reopening of the country's borders, Dr Noor Hisham said six green zone countries have been identified by Malaysia – Singapore, Brunei, Australia, New Zealand, Japan and South Korea.

"We are in the early stage of discussions with these countries to come up with the necessary standard operating procedures (to allow their citizens into Malaysia).

"Whatever we come up with must be mutual and reciprocal."

Watch the video
thestartv.com